



UPM- National Cheng Kung University, Taiwan rintis usaha kerjasama penyelidikan pembiakan ikan dan udang marin

Oleh: Khairul Anuar Muhamad Noh



SERDANG, 18 April - Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah merintis usaha penyelidikan dengan National Cheng Kung University (NCKU) Taiwan dalam bidang pembiakan ikan dan udang marin.

NCKU yang mempunyai teknologi tinggi dalam menghasilkan stok induk udang harimau bebas penyakit dan teknologi pembiakan dan pembenihan spesies ikan kerap bernilai tinggi mementerai perjanjian persefahaman (MoU) dengan UPM bagi penyelidikan kolaboratif untuk meningkatkan intensiti penyelidikan akuakultur di I-AQUAS dalam bidang baru.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris berkata melalui kerjasama penyelidikan itu, aspek perkongsian dan pemindahan kepakaran serta teknologi dan latihan akan melonjakkan prestasi penyelidikan institut penyelidikan yang baharu dinaiktaraf ini iaitu I-AQUAS dan industri akuakultur negara amnya.

"UPM sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi tahap penyelidikan dalam bidang pertanian dan melalui MoU ini, kedua-dua universiti dapat memanfaatkan perkongsian ilmu dan teknologi. UPM berharap National Cheng Kung University akan menjadi rakan strategik penyelidikan bidang pertanian di UPM yang utama dengan akuakultur dan sains akuatik sebagai permulaannya.

"Inisiatif ini adalah atas aspek visibiliti UPM yang mana merupakan universiti penyelidikan utama berteraskan pertanian dan menawarkan bidang akuakultur di bawah Fakulti Pertanian, seiring dengan fokus NCKU dalam penyelidikan akuakultur," kata Prof. Aini.

Beliau berkata inisiatif ke arah penjanaan dana kerjasama melalui program 'Taiwan's New Southbound Project' akan cuba diusahakan bagi kedua pihak terutamanya dengan perjanjian persefahaman UPM -NCKU.

"Antara rangka pelan perlaksanaan adalah menyediakan platform bagi penyelidik I-AQUAS untuk mendapat latihan dan pengetahuan teknologi baru bidang akuakultur dengan penyelidik di Kolej Biosains dan Bioteknologi NCKU. Skop lain yang juga boleh dimanfaatkan adalah pertukaran staf teknikal dan mobiliti pelajar bagi latihan teknikal juga akan turut dilaksanakan," kata Prof. Aini.

Presiden NCKU, Prof. Huey-Jen Su berkata MoU itu membuktikan Taiwan mengiktiraf UPM sebagai rakan penyelidik strategik antarabangsa dalam projek penyelidikan akuakultur kesihatan ikan.

"NCKU berada pada ranking 222 QS World University Rankings dan merupakan universiti awam Taiwan yang menjalankan program berteraskan pertanian termasuk akuakultur. Hasil penyelidikan universiti telah banyak diterapkan dalam pembangunan industri pertanian dan juga akuakultur di negara Taiwan," katanya.



Universiti Putra
43400 UPM Seri
Selangor Darul E
 1800 22 55
 +603 8948
 marketing@

Beliau menambah sektor perikanan terutamanya akuakultur adalah merupakan sektor ekonomi berteraskan pertanian yang penting dan utama bagi negara Taiwan dan memainkan peranan utama sebagai peneraju utama dalam kemantapan sekuriti makanan negara di samping membekalkan sumber protein kepada rakyatnya.

 BM

Memorandum persefahaman tersebut ditandatangani oleh Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris dan Prof. Huey-Jen Su. Turut hadir Pengarah I-AQUAS, Prof. Dr. Aziz Arshad. – UPM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Kemaskini:: 23/04/2018 [hairul_nizam]

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_national_cheng_kung_university_taiwan_rintis_usaha_kerjasama_penyelidikan_pembibikan_ikan_dan_udang_marin-39131&title=UPM-%20National%20Cheng%20Kung%20University%2C%20Taiwan%20Rintis%20Usaha%20Kerjasama%20Penyelidikan%20Pembibikan%20Ikan%20Dan%20Udang%20Marin%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (#twitter) (#google_plus) (#linkedin) (#email) (#copy_link) (#wordpress)

(/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spn.upm.edu.my>)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my>)
KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my>)
Sistema Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my>)
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my>)
Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my>)
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login>)
i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)
i-GIMS (pelajar pascaasiswa) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my>)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)
1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)
Multimedia Super Corridor (<http://www.msccmalaysia.my>)
Portal myGovernment (<https://www.mygov.gov.my/en/home>)
Agenzia Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my>)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)
Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)
Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu>)
Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)
Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik>)
Takwin UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2018.pdf>)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR

